

**TATACARA PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE SEKOLAH KERAJAAN DARI SEKOLAH SWASTA / SEKOLAH ARAB / INSTITUT TAHFIZ AL QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH BAGI SESI AKADEMIK TAHUN 2022 SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)**

**Proses menghadapakan Borang Permohonan:**

- 1. Muat Turun (Download) borang Permohonan dalam web portal MOE ([www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn)) di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah (Department of School) dengan memilih borang yang berkenaan:-**
  - a. Borang Permohonan Sekolah Rendah bagi Tahun 1 hingga 6 - *Borang SS (R)***
  - b. Borang Permohonan Sekolah Menengah bagi Tahun 7 - *Borang SS- 7M (B)***
  - c. Borang Pemohonan Sekolah Menengah bagi Tahun 8 hingga Tahun 11 - *Borang SS (K)***
  - d. Borang bagi Sekolah Arab / Institut Tahfiz SHBB- *KHEU***
- 2. Isikan maklumat yang diperlukan dengan lengkap di dalam ruangan yang disediakan.**
- 3. Hadapkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan melalui emel ke Sekolah asal masing-masing.**
- 4. Sekolah asal akan menghadapkan permohonan pemohon ke Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah untuk kebenaran melalui emel [unit.kesejahteraan@moe.gov.bn](mailto:unit.kesejahteraan@moe.gov.bn)**
- 5. Segala permohonan akan diteliti dan diproses terlebih dahulu oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dalam tempoh 5-14 hari waktu bekerja.**
- 6. Pemohon akan dihubungi melalui telefon jika maklumat tidak lengkap atau terdapat keterangan yang salah atau kurang jelas Ketika menghadapkan borang permohonan.**

7. Jika permohonan pemohon lengkap dan diterima, Jabatan Sekolah-Sekolah memproses dan akan mengirim surat kebenaran permohonan ke sekolah asal pemohon melalui email.
8. Surat permohonan sebab-sebab berpindah hendaklah ditujukan kepada:

**Yang Mulia.  
Pengarah Sekolah-Sekolah  
Jabatan Sekolah-Sekolah  
Kementerian Pendidikan  
Blok 2J, Tingkat 4, Bilik 03  
Bangunan Kondiminium Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam**

**-TAMAT-**

**(Nota: Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di talian 7413058)**